

# **Faktor-faktor Terjadinya Permerdagangan Perempuan Dan Kanak-kanak Di Indonesia Dan Malaysia**

## *(The Factors Of Trafficking In Women And Children In Indonesia And Malaysia)*

**Karolina Sitepu\* & Asmah Laili Yeon\*\***

\* Universiti Panca Budi Sumatera Utara

\*\* Universiti Utara Malaysia

**Abstrak:** Permerdagangan perempuan dan kanak-kanak merupakan isu global yang hangat dibincangkan pada masa kini. Ia merupakan pelanggaran hak asasi manusia dan merupakan jenayah transnasional yang merentas negara. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui faktor-faktor penyebab permerdagangan dan usaha-usaha pencegahannya. Kajian ini menggunakan gabungan pendekatan kuantitatif dan kualitatif (*mixed method*). Borang soal selidik diagihkan kepada responden dan temu bual bebas digunakan sebagai kaedah untuk mendapatkan maklumat secara langsung. Sampel kajian dipilih mengikut metode pensampelan bertujuan (*purposive sampling*). Hasil dapatan kajian, menunjukkan faktor kemiskinan, rendahnya tahap pendidikan, janji-janji gaji tinggi dan ugutan hutang lebih signifikan di Indonesia untuk terjadinya permerdagangan perempuan dan kanak-kanak dibandingkan Malaysia. Sebaliknya keganasan dalam rumah tangga lebih signifikan di Malaysia berbanding Indonesia untuk terjadinya permerdagangan perempuan dan kanak-kanak dan faktor perbezaan gender terdapat persamaan iaitu sama-sama mempunyai peluang untuk terjadinya permerdagangan perempuan dan kanak-kanak. Berkaitan dengan itu penyelidik mencadangkan agar kerajaan menambahbaikkan sistem perundangan yang sedia ada, mengurangkan kemiskinan, meningkatkan pendidikan, menghapuskan perbezaan gender, sosialisasi akta keganasan rumah tangga, menghukum pelaku yang memberi pekerjaan dengan ugutan hutang. Kesimpulan kerajaan Indonesia harus menciptakan polisi atau kebijakan ekonomi yang menguntungkan masyarakat miskin sesuai dengan teori keadilan John Rawls.

**Kata Kunci:** permerdagangan, eksploitasi, mangsa, perempuan, kanak-kanak

**Abstract:** *Trafficking in women and children is a global issue that widely discussed at present. It is considered as a violation of human rights and the activities of transnational crime because it involves many countries. This study aimed to determine and clarify the factors that contribute to human trafficking and prevention efforts. This study using a combination of quantitative and qualitative approaches (mixed method). Questionnaires were distributed to respondents and independent interviews are used as a method to obtain information directly. The study sample was selected by purposive sampling method (purposive sampling). The findings show that poverty as the key driver of these human trafficking activities. This is because of lack of education and with easily trust with the person who promises the with a special offered such as will have a high salary form a good job and they force a victim with the debt that the victim or victims family and it is more significant in this case in Indonesia and more Indonesians to participate victims of trafficking in women and children than*

*Malaysia. In Malaysia, domestic violence is significant compared to the occurrence of trafficking of Indonesian women and children. The differences of gender also the factor in common which together have an opportunity for the occurrence of trafficking in women and children. Because of that, researchers made a suggested that the government should repair and tightened their existing legislation, to minimize the level of poverty, improving education, eliminating gender disparities, the act provides for domestic violence and sentenced to deceive performer victims of trafficking by providing job security. In conclusion, the Indonesian government should enact policies or improves their economic system which could benefit to poor societies along with John Rawls's theory of justice.*

**Keywords:** human trafficking, exploitation, victims, women, children

## **PENGENALAN**

Setiap orang berhak kepada perlindungan Hak Asasi Manusia (HAM) dan kebebasan asas manusia tanpa diskriminasi. Tidak seorang pun boleh diperhamba atau diperhambakan. Pemerdagangan perempuan dan kanak-kanak serta segala perbuatan yang serupa tujuannya adalah dilarang. Usaha untuk memperoleh pekerjaan dan kehidupan yang layak malah menyebabkan banyak daripada mereka yang terperangkap dalam satu pemerdagangan manusia. Meningkatnya pemerdagangan perempuan dan kanak-kanak disebabkan kerana banyak faktor, antaranya yang signifikan iaitu kemiskinan, rendahnya tahap pendidikan dan keterampilan, perbezaan gender. Di samping itu, keganasan dalam rumah tangga, janji-janji gaji tinggi memudahkan perempuan dan kanak-kanak tertarik untuk bekerja di luar negeri tanpa memikirkan risikonya dan ugutan hutang mengakibatkan kanak-kanak perempuan harus bekerja bertujuan untuk melunasi hutang tersebut tanpa alternatif lain kecuali pasrah.

Keadaan mangsa pemerdagangan sangat menyedihkan hak-hak mereka terus dilanggar, ada yang ditawan, diperlecehkan dan dipaksa bekerja di luar kemahuan mereka. Mereka hidup dalam situasi ketakutan dan perasaan tidak selamat. Keadaan ini dapat merosak ibu bangsa dan kanak-kanak sebagai tunas bangsa pada masa hadapan. Oleh kerana itu, kerajaan dengan seluruh kakitangannya, termasuk masyarakat dan keluarga, bertanggungjawab menjaga dan memelihara hak asasi manusia tersebut sesuai dengan kewajiban yang dibebankan oleh undang-undang.

## **ULASAN KARYA**

Pengertian pemerdagangan manusia menurut seksyen 3 Protocol to Prevent, Suppress and Punish trafficking in Person, Especially Women and Children, A/55/383 dirumuskannya seperti berikut:

*“The recruitment, transportation, transfer, harbouring or receipt of persons, by means of the threat or use of force or other forms of coercion, of abduction, of fraud, of deception, of the abuse of power or of a position of vulnerability or of the giving or receiving of payments or benefit to achieve the consent of a person having control over another person, for the purposes of exploitation. Exploitation shall include, at minimum, the exploitation of the prostitution of other form of sexual exploitation, forced labour or servitude or practices similar to slavery, servitude or removal of organs.”*

Protokol di atas dengan demikian memberikan rumusan yang jelas tentang apa yang dimaksudkan dengan pemerdagangan manusia. Definisi di atas memuat tiga elemen yang berbeza yang saling berkaitan satu dengan yang lain, iaitu:

- a) Elemen pertama: berkaitan tindakan atau perbuatan, iaitu rekrutmen, pengangkutan, pemindahan, penempatan dan penerimaan orang.
- b) Elemen kedua: berkaitan cara, iaitu dengan menggunakan ancaman atau penggunaan kekerasan atau bentuk-bentuk paksaan lain, penculikan, tipu daya, penipuan, dan penyalahgunaan kekuasaan.
- c) Elemen ketiga: berkaitan tujuan iaitu untuk tujuan eksploitasi. Eksploitasi meliputi setidak-tidaknya eksploitasi pelacuran dari orang lain atau bentuk-bentuk eksploitasi seksual yang lain, kerja paksa, perhambaan dan pengambilan organ tubuh.

Protokol ini juga menambahkan bahawa persetujuan yang telah diberikan oleh mangsa pemerdagangan manusia berkenaan dengan eksploitasi yang menjadi tujuan dari pemerdagangan tersebut tidak lagi bererti, bilamana cara-cara pemaksaan atau penipuan sebagaimana yang diuraikan dalam definisi di atas telah digunakan. Kemudian, setiap tindakan rekrutmen, pengangkutan, pemindahan, penempatan atau penerimaan seorang kanak-kanak dengan tujuan eksploitasi, dianggap sebagai “pemerdagangan manusia” sekalipun cara-cara pemaksaan atau penipuan yang diuraikan dalam definisi di atas tidak digunakan. Ini menegaskan kembali bahawa untuk mangsa pemerdagangan kanak-kanak, tanpa memenuhi elemen kedua, iaitu dengan menggunakan ancaman atau penggunaan kekerasan atau bentuk-bentuk paksaan lain, penculikan, tipu daya, penipuan, penyalahgunaan kekuasaan atau dalam kedudukan lemah atau pemberian atau penerimaan pembayaran atau keuntungan untuk memperoleh persetujuan dari orang tertentu sudah merupakan suatu bentuk pemerdagangan manusia.

UU No. 21 tentang Pemberantasan Tindak Pidana Perdagangan Orang (PTPPO) 2007 Indonesia tidak jauh berbeza dengan pengertian dalam protokol yang dikeluarkan oleh PBB iaitu:

“Perekrutan, pengangkutan, penampungan, pengiriman, pemindahan, atau penerimaan seseorang dengan ancaman kekerasan, penggunaan kekerasan, penculikan, penyekapan, pemalsuan, penipuan, penyalahgunaan kekuasaan atau posisi rentan, penjeratan utang atau memberi bayaran atau manfaat, sehingga memperoleh persetujuan dari orang yang memegang kendali atas orang lain tersebut, baik yang dilakukan di dalam negara maupun antar negara, untuk tujuan eksploitasi atau mengakibatkan orang tereksploitasi”

Seksyen 1 (2) PTPPO 2007 menjelaskan kesalahan memperdagangkan orang, adalah:

“Bila orang melakukan perekrutan, pengangkutan, penampungan, pengiriman, pemindahan, atau penerimaan seseorang dengan ancaman kekerasan, penggunaan kekerasan, penculikan, penahanan, pemalsuan, penipuan, penyalahgunaan kekuasaan atau kedudukan rentan, jeratan hutang atau memberi bayaran atau manfaat walaupun memperoleh persetujuan dari orang yang memegang kendali atas orang lain, untuk

tujuan mengeksploitasi orang tersebut di wilayah negara Republik Indonesia. Mereka yang melakukan kesalahan itu boleh dihukum penjara paling singkat 3 (tiga) tahun dan paling lama 15 (lima belas) tahun, dan dihukum denda paling sedikit Rp120.000.000,00 (seratus dua puluh juta rupiah) dan paling banyak Rp 600.000.000,00 (enam ratus juta rupiah)”

Sedangkan Menurut Akta APO 2007 Malaysia, seksyen 12 memberikan penjelasan tentang kesalahan memperdagangkan orang, iaitu:

“bila mana-mana orang, yang memperdagangkan orang yang bukan merupakan se orang kanak-kanak, bagi maksud *eksploitasi*, ia melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi lima belas tahun, dan boleh juga di denda.”

Perbandingan undang-undang mencuba untuk melukiskan apa yang sama dan apa yang berbeza dalam sistem undang-undang atau untuk mencari inti persamaan dari seluruh sistem undang-undang. Dalam kajian ini dua sistem undang-undang pemerdagangan perempuan dan kanak-kanak Indonesia dan Malaysia dibandingkan isi kandungannya untuk mencari persamaan dan perbezaannya sehingga dapat menambahbaikkan undang-undang tersebut bagi kedua kerajaan.

Menurut Undang-Undang No.23 tahun 2002 kanak-kanak ialah seorang yang belum berusia 18 (lapan belas) tahun, dan juga mereka yang masih dalam kandungan. Sedangkan dalam Akta PTPPO 2007 Indonesia mahupun Akta APO 2007 Malaysia kanak-kanak adalah mereka yang belum berusia lapan belas tahun. Di mana ibu bapa, keluarga, masyarakat, pemerintah dan negara mempunyai kewajiban untuk menjamin hak-hak yang ada pada diri kanak-kanak tersebut.

*Eksplotasi* adalah politik pemanfaatan yang secara sewenang-wenang dan terlalu berlebihan terhadap sesuatu subjek eksploitasi dan hanya untuk kepentingan ekonomi semata-mata tanpa mempertimbangkan rasa kepatutan keadilan serta kesejahteraan. *Eksplotasi kanak-kanak* adalah pemanfaatan kanak-kanak di bawah umur untuk keuntungan sendiri. Dengan kata lain, kanak-kanak digunakan sebagai alat untuk mencari wang. Secara umum eksploitasi terhadap kanak-kanak adalah menggunakan seorang kanak-kanak dengan tujuan untuk mendapatkan keuntungan.

Akibat pemerdagangan perempuan dan kanak-kanak terdapat mangsa yang perlu dilindungi. Mangsa adalah seseorang yang telah menderita kerugian sebagai akibat suatu kejahatan dan atau yang rasa keadilannya secara langsung telah terganggu sebagai akibat pengalamannya sebagai sasaran jenayah. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Nombor 40/34 Tahun 1985 angka 1 yang menyebutkan: mangsa jenayah ialah orang-orang yang baik secara individu mahupun kolektif, menderita kerugian akibat perbuatan atau pengabaian yang melanggar undang-undang jenayah yang berlaku di suatu negara, termasuk peraturan yang melarang penyalahgunaan kekuasaan

Jenayah ialah kelakuan yang tidak bersusila dan merugikan, yang menimbulkan begitu banyak ketidaktenangan dalam suatu masyarakat tertentu, sehingga masyarakat berhak untuk mencelanya dengan memberi bentuk nestapa dengan sengaja kerana kelakuan tersebut. Jenayah merupakan satu perbuatan yang menyalahi undang-undang kerajaan sesuatu tempat. Orang yang melakukan perbuatan jenayah ini dinamakan penjenayah.

## PENYATAAN MASALAH

Meningkatnya kes jenayah pemerdagangan manusia merupakan pelanggaran terhadap hak asasi manusia kerana manusia dijadikan sebagai barang (objek) perdagangan, yang dapat diperjualbelikan, dimiliki dan dipindahkan dan dipaksa bekerja di luar keinginan mereka. Hal ini menunjukkan ketidakmampuan kerajaan melindungi warganegaraanya. Meskipun Akta PTPPO 2007 Indonesia dan Akta APO 2007 Malaysia sudah ada mengatur tentang kesalahan pemerdagangan orang, masih kurang mendapat perhatian dalam usaha pencegahannya dan usaha melindungi mangsa belum menunjukkan hasil yang memuaskan. Kemiskinan dan rendahnya pendidikan akar permasalahan perdagangan perempuan dan kanak-kanak menunjukkan seksyen 34 Undang-Undang Dasar 1945 yang menyatakan bahawa fakir miskin dan kanak-kanak terlantar dipelihara kerajaan belum berjaya dilaksanakan. Objektif kajian, bagaimana upaya mengurangkan faktor-faktor penyebab pemerdagangan perempuan dan kanak-kanak baik di Indonesia mahupun di Malaysia dan pelaku dapat menerima hukuman yang dapat menimbulkan efek jera.

## KAEDAH PENYELIDIKAN

Kajian ini menggunakan kaedah kajian undang-undang normatif dan sosiologi. Kajian empirisnya disebut *socio-legal research* yang pada hakikatnya bertujuan untuk memperoleh gambaran tentang penerapan peraturan perundang-undangan tentang pemerdagangan perempuan dan kanak-kanak. Perbandingan undang-undang dalam pengertian yang paling sederhana, merupakan suatu metode kajian dan penyelidikan di mana undang-undang dan lembaga-lembaga hukum dari dua negara atau lebih diperbandingkan. Metode ini memberi perhatian pada analisa kandungan dari sistem undang-undang yang berbeza dalam rangka menemui penyelesaian untuk menjawab pelbagai masalah hukum. Untuk analisis data digunakan pendekatan kuantitatif dan kualitatif (*mixed method*). Kaedah ini dipilih kerana gabungan kedua-dua kaedah ini amat relevan di mana ianya membantu saling melengkapi data antara satu sumber dengan sumber yang lain (Cresswell, 1998). Pendekatan ini juga amat bersesuaian bagi menjawab persoalan kajian yang dibina sesuai dengan tujuan kajian. Penggunaan pelbagai kaedah bagi pemerolehan data dikenali metode *triangulasi*. Kaedah ini amat bermakna kerana setiap kaedah mempunyai kelebihan dan kekurangannya masing-masing (Patton, 2002). Pendekatan kuantitatif adalah dengan menggunakan kaedah borang soal selidik. Kaedah ini dipilih kerana ianya baik bagi soalan yang agak sensitif kerana identiti responden dianggap rahsia dan dengan itu menggalakkan maklum balas sebahagian yang jujur dari pada responden (Sekaran, 2000). Pengumpulan data dan maklumat kuantitatif dengan cara mengedarkan borang soal selidik kepada responden yang sudah ditentukan berdasarkan kriteria tertentu yang ada kaitannya dengan penyelidikan ini iaitu terdiri daripada polis, hakim, pegawai imigresen, NGO dan mangsa.

Kaedah kualitatif digunakan dengan melakukan temu bual, pemerhatian dan kajian dokumentasi. Populasi dalam kajian ini ialah masyarakat Indonesia dan Malaysia yang dipilih berdasarkan suatu kriteria tertentu dan mempunyai ciri-ciri khusus yang erat hubungannya dengan kajian ini. Dalam kajian ini digunakan pensampelan bertujuan (*purposive sampling*). Sampel sebahagian dari populasi yang telah ditentukan terlebih dahulu berdasarkan kriteria tertentu yang ada kaitannya dengan penyelidikan ini yang terdiri dari polis, hakim, pegawai imigresen, NGO dan mangsa. Jumlah sampel di Indonesia ditentukan sebanyak 200 responden dan Malaysia sebanyak 138 responden sehingga keseluruhannya berjumlah 338. Sebelum mengadakan kajian sudah dilakukan kajian rintis terlebih dahulu, kajian sebenar dan kebolehpercayaan instrumen kajian.

## DAPATAN KAJIAN

### Demografi Indonesia dan Malaysia



Rajah 1: Demografi Indonesia dan Malaysia

#### *Demografi Indonesia*

Republik Indonesia atau singkatannya RI atau Indonesia adalah salah sebuah negara di Asia Tenggara yang terdiri daripada 31 provinsi. Bentuk pemerintahan Indonesia adalah Republik dengan Dewan Perwakilan Rakyat dan Presiden yang dipilih secara langsung. Indonesia bersempadan dengan Malaysia di Pulau Kalimantan dengan Papua Nugini di Pulau Nugini dan dengan Timor Leste di Di Pulau Timor. Negara tetangganya yang lain ialah Singapura, Filipina, Australia, dan wilayah persatuan Kepulauan Andaman dan Nikobar di India. Indonesia dilintasi oleh garis khatulistiwa dan berada pada koordinat 6°LU - 11°08'LS dan dari 95°BT - 141°45'BT. Indonesia juga terletak di antara benua Asia dan Australia/Oceania serta di antara Lautan Pasifik dan Lautan Hindi. Indonesia ialah negara Kepulauan terbesar di dunia yang terdiri daripada 17.504 pulau besar dan kecil, sekitar 5.000 di antaranya tidak berpenghuni, yang tersebar di sekitar khatulistiwa, yang memberikan cuaca tropika.

#### *Demografi Malaysia*

Kerajaan Malaysia adalah sebuah negara Persekutuan yang terdiri daripada 13 negeri bahagian dengan keluasan 329.847 km persegi. Kuala Lumpur ialah ibu kota rasmi dan kota terbesar di Malaysia. Putra Jaya di pihak lain, dilihat sebagai ibu kota pentadbiran kerajaan Malaysia. Meskipun banyak cawangan eksekutif dan kehakiman kerajaan persekutuan telah berpindah ke Putrajaya, tetapi Kuala Lumpur masih dilihat sebagai ibu kota legislatif Malaysia, kerana di sanalah terletakinya kompleks bangunan Parlimen Malaysia. Kuala Lumpur juga merupakan pusat perdagangan dan kewangan Malaysia. Negara ini dipisahkan ke dalam dua kawasan, iaitu Malaysia Barat dan Malaysia Timur oleh Kepulauan Natuna wilayah Indonesia di Laut Cina Selatan. Malaysia bersempadan dengan Thailand, Indonesia, Singapura, Brunei, dan Filipina Negara ini terletak dekat Khatulistiwa dan beriklim Tropika. Koordinat Geografi 2 30 U, 112 30 T.

Ketua Negara Malaysia adalah Yang di-Pertuan Agong dan pemerintahannya diketuai oleh seorang Perdana Menteri.

### Ciri-ciri Responden

Responden dalam kajian ini terdiri daripada 338 orang, iaitu 200 orang responden di Indonesia dan 138 orang responden di Malaysia. Mereka terdiri daripada lima kelompok, iaitu mangsa, polis, pegawai imigresen, hakim dan LSM/NGO yang berada di wilayah penyelidikan di Indonesia dan Malaysia.

Jadual 1  
*Ciri-ciri Responden Berdasarkan Status*

No	Status	Indonesia		Malaysia	
		Frekuensi	Peratus	Frekuensi	Peratus
1	Mangsa	54	27.00	15	10.87
2	Polis	46	23.00	35	25.36
3	Imigresen	30	15.00	30	21.74
4	Hakim	34	17.00	28	20.29
5	LSM/NGO	36	18.00	30	21.74
	Jumlah	200	100.00	138	100.00

*Sumber:* Hasil penelitian 2013

Berdasarkan Jadual 1 di atas diketahui bahawa responden di Indonesia 54 orang (27 peratus) berstatus sebagai mangsa, 46 orang (23 peratus) berstatus sebagai polis, 30 orang (15 peratus) berstatus sebagai pegawai imigresen, 34 orang (17 peratus) berstatus sebagai hakim dan 36 orang (18 peratus) berstatus sebagai anggota LSM atau NGO. Selanjutnya responden Malaysia pula 15 orang (10.87 peratus) berstatus sebagai mangsa, 35 orang (25.36 peratus) berstatus sebagai polis, 30 orang (21.74 peratus) berstatus sebagai pegawai imigresen, 28 orang (20.29 peratus) berstatus sebagai hakim, dan 30 orang (21.74 peratus) status sebagai anggota NGO. Dengan demikian, majoriti responden Indonesia ialah mangsa, iaitu sebanyak 54 orang (27 peratus) dan majoriti responden di Malaysia ialah polis, iaitu 35 orang (25.36 peratus). Minoriti responden Indonesia ialah pegawai imigresen iaitu sebanyak 30 orang (15 peratus) dan minoriti responden Malaysia ialah mangsa (10.87 peratus).

Sebelum dilakukan ujian t terlebih dahulu dilaporkan analisis purata (*mean*) dari faktor-faktor penyebab pemerdagangan perempuan dan kanak-kanak di kedua-dua negara, seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Jadual 2  
*Analisis Purata (Mean): Uji-T Faktor Penyebab*

	VAR00001	N	Mean	Std. Deviation	Std. Error Mead
Kemiskinan penyebab pemerdagangan perempuan dan kanak-kanak	Indonesia	200	3.8500	.80044	.05660
	Malaysia	138	3.6232	.73696	.06273
Rendahnya pendidikan memudahkan kanak-kanak diperdagangkan	Indonesia	200	3.9400	.76769	.05428
	Malaysia	138	3.6522	.65793	.05601
Perbezaan gender membuat kanak-kanak lelaki dan perempuan berbeza	Indonesia	200	3.5300	.84419	.05969
	Malaysia	138	3.5362	.80291	.06835
Kekerasan dalam rumah tangga menyebabkan kanak-kanak lebih	Indonesia	200	3.6650	.77185	.05458
	Malaysia	138	4.2101	.74924	.06378

mudah diperdagangkan					
Janji-janji gaji tinggi memudahkan	Indonesia	200	4.0400	.78196	.05529
kanak-kanak dipujuk trafficker	Malaysia	138	3.5725	.92719	.07893
(agen)					
Jeratan hutang menyebabkan	Indonesia	200	4.1950	.76149	.05385
perempuan dan kanak-kanak	Malaysia	138	3.9420	.67020	.05705
terpaksa bekerja					

## Analisis Dapatan Kajian

### (1) *Kemiskinan ( $X_1$ )*

Berdasarkan Jadual 2 di atas diketahui bahawa dalam hal kemiskinan sebagai penyebab pemerdagangan perempuan dan kanak-kanak, terdapat perbezaan antara Indonesia dan Malaysia. Nilai min  $X_1$  Indonesia (3.85) lebih besar daripada nilai min Malaysia (3.62). Hal ini bererti bahawa Indonesia lebih dominan daripada Malaysia dalam hal kemiskinan sebagai penyebab terjadinya pemerdagangan perempuan dan kanak-kanak.

### (2) *Rendahny Pendidikan ( $X_2$ )*

Berdasarkan Jadual 2 di atas diketahui bahawa dalam hal rendahnya pendidikan memudahkan kanak-kanak diperdagangkan, terdapat perbezaan antara Indonesia dan Malaysia. Nilai min  $X_2$  Indonesia (3.94) lebih besar daripada nilai min Malaysia (3.65). Hal ini bererti bahawa rendahnya pendidikan di Indonesia lebih signifikan sebagai faktor yang memudahkan kanak-kanak diperdagangkan dibandingkan dengan Malaysia.

### (3) *Perbezaan Gender ( $X_3$ )*

Berdasarkan Jadual 2 di atas diketahui bahawa dalam hal perbezaan gender mengakibatkan kanak-kanak perempuan dan lelaki berbeza, kedua-dua negara Indonesia dan Malaysia tidak memiliki perbezaan, iaitu nilai min  $X_3$  Indonesia (3.53) sama dengan nilai min Malaysia (3.53). Hal ini bererti bahawa Indonesia dan Malaysia, dalam perbezaan gender mempunyai peluang yang sama untuk diperdagangkan, sama ada laki-laki mahupun perempuan.

### (4) *Keganasan dalam Rumah Tangga ( $X_4$ )*

Berdasarkan Jadual 2 di atas diketahui bahawa dalam hal keganasan dalam rumah tangga (KDRT) menyebabkan kanak-kanak lebih mudah diperdagangkan, ada perbezaan antara Indonesia dan Malaysia. Nilai min  $X_4$  Indonesia (3.66) lebih kecil daripada nilai min Malaysia (4.21). Hal ini bererti bahawa Malaysia lebih unggul daripada Indonesia dalam hal keganasan dalam rumah tangga menyebabkan kanak-kanak lebih mudah diperdagangkan.

### (5) *Janji-janji Gaji Tinggi ( $X_5$ )*

Berdasarkan Jadual 2 di atas diketahui bahawa dalam hal pengaruh janji gaji tinggi terhadap mudahnya kanak-kanak dipujuk oleh pelaku pemerdagangan, ada perbezaan antara Indonesia dan Malaysia. Nilai min  $X_5$  Indonesia (4.06) lebih besar daripada nilai min Malaysia (3.57). Hal ini bererti bahawa Indonesia lebih dominan daripada Malaysia dalam hal janji-janji gaji tinggi memudahkan perempuan dan kanak-kanak untuk dipujuk oleh pelaku pemerdagangan.



**(6) Jeratan Hutang ( $X_6$ )**

Berdasarkan Jadual 2 di atas diketahui bahawa dalam hal jeratan hutang menyebabkan kemungkinan perempuan dan kanak-kanak bekerja, ada perbezaan antara Indonesia dan Malaysia. Nilai min  $X_6$  Indonesia (4.19) lebih besar daripada nilai min Malaysia (3.94). Hal ini bererti bahawa dibandingkan dengan Malaysia, jeratan hutang di Indonesia lebih signifikan sebagai faktor yang memudahkan perempuan dan kanak-kanak menjadi mangsa pemerdagangan.

Selanjutnya untuk mengetahui signifikan tidaknya perbezaan tersebut di atas, dapat dilihat daripada hasil ujian t dengan ketentuan bahawa perbezaannya signifikan jika nilai signifikan  $<0.05$ , sedangkan perbezaannya tidak signifikan jika nilai signifikan  $>0.05$ .

Jadual 3  
Hasil Levene's Test

Parameter	Levene's Test for Equality of Variances		t-test for Equality of Means	
	F	Sig.	Sig. (2-tailed)	Mean Difference
Kemiskinan penyebab pemerdagangan perempuan dan kanak-kanak	.210	.979	.009	.22681
Rendahnya pendidikan memudahkan kanak-kanak diperdagangkan	.133	.856	.000	.28783
Perbezaan gender membuat kanak-kanak perempuan dan lelaki berbeza	.365	.546	.946	-.00623
KDRT menyebabkan kanak-kanak lebih mudah diperdagangkan	.114	.905	.000	-.54514
Janji-janji gaji tinggi mempermudah kanak-kanak di pujuk <i>trafficker</i> (agen)	6.595	.011	.000	.46754
Jeratan hutang menyebabkan perempuan dan kanak-kanak terpaksa bekerja	9.705	.002	.002	.25297

Sumber: hasil penelitian

Berdasarkan Jadual 3.1 di atas dapat diketahui bahawa ada lima parameter yang memiliki nilai sig (2-tailed  $<0.05$ ) iaitu kemiskinan, rendahnya pendidikan, kekerasan dalam rumah tangga, janji gaji tinggi dan jeratan hutang. Hanya ada satu persamaan iaitu perbezaan gender di mana untuk terjadinya pemerdagangan orang mempunyai peluang yang sama antara Indonesia dan Malaysia.

## HASIL DAPATAN

Hasil dapatan bahawa dari 6 indikator terdapat 5 perbezaan yang signifikan empat 4 di antaranya lebih signifikan di Indonesia dan hanya satu keganasan dalam rumah tangga yang lebih signifikan di Malaysia, dan terdapat satu persamaan iaitu perbezaan gender. Jadi dapat disimpulkan:

- Kemiskinan sebagai penyebab pemerdagangan, ada perbezaan yang signifikan antara Indonesia dan Malaysia. Hal ini ditunjukkan oleh nilai min  $X_1$  Indonesia (3.85) lebih besar daripada nilai min Malaysia (3.62) dan nilai p-value Levene's test (0.009)  $<$  sig- $\alpha$  (0.05). Hal

ini berarti faktor kemiskinan sebagai penyebab kanak-kanak diperdagangkan lebih unggul di Indonesia dibandingkan dengan di Malaysia.

- b) Pendidikan yang rendah memudahkan kanak-kanak diperdagangkan, ada perbezaan yang signifikan antara Indonesia dan Malaysia. Nilai min  $X_2$  Indonesia (3.94) lebih besar daripada nilai min Malaysia (3.65) dengan nilai p-value Levene's test (0.000) < sig- $\alpha$  (0.05). Hal ini berarti, faktor rendahnya pendidikan sebagai penyebab kanak-kanak diperdagangkan lebih unggul di Indonesia dibandingkan dengan di Malaysia.
- c) Perbezaan gender menjadikan perempuan dan lelaki berbeza, kedua-dua negara Indonesia dan Malaysia tidak memiliki perbezaan. Hal ini ditunjukkan oleh nilai min  $X_3$  Indonesia (3.53) sama dengan nilai min Malaysia (3.53). Dengan demikian, perbezaan gender mempunyai peluang yang sama untuk terjadinya pemerdagangan perempuan dan kanak-kanak. Baik di Indonesia mahupun di Malaysia.
- d) Keganasan rumah tangga menyebabkan kanak-kanak lebih mudah diperdagangkan, ada perbezaan yang signifikan antara Indonesia dengan Malaysia. Hal ini ditunjukkan oleh nilai min  $X_4$  Indonesia (3.66) lebih kecil daripada nilai min Malaysia (4.23) dan nilai p-value (0.000) < sig- $\alpha$  (0.05). Hal ini berarti bahawa keganasan dalam rumah tangga sebagai faktor penyebab kanak-kanak diperdagangkan lebih nyata terjadi di Malaysia dibandingkan dengan di Indonesia.
- e) Janji-janji gaji tinggi terhadap mudahnya kanak-kanak dipujuk oleh pelaku pemerdagangan, ada perbezaan signifikan antara Indonesia dan Malaysia. Hal ini ditunjukkan oleh nilai min  $X_5$  Indonesia (4.04) lebih besar daripada nilai min Malaysia (3.57) dan nilai p-value (0.000) < sig- $\alpha$  (0.05). Hal ini berarti bahawa janji gaji tinggi sebagai faktor penyebab kanak-kanak lebih mudah dipujuk oleh pelaku pemerdagangan (ejen) lebih nyata di Indonesia dibandingkan dengan di Malaysia.
- f) Jerat hutang menyebabkan perempuan dan kanak-kanak bekerja, ada perbezaan yang signifikan antara Indonesia dan Malaysia. Nilai min  $X_6$  Indonesia (4.19) lebih tinggi daripada nilai min Malaysia (3.94) dengan nilai sig-p (0.002) < 0.05. Hal ini berarti bahawa di Indonesia, jerat hutang lebih nyata menyebabkan perempuan dan kanak-kanak terpaksa bekerja dibandingkan dengan di Malaysia.

## **PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**

Dari hasil dapatan kajian ini diharapkan pemerintah Indonesia berusaha mengurangkan faktor-faktor penyebab pemerdagangan perempuan dan kanak-kanak dengan meningkatkan kesejahteraan rakyat melalui pembentukan sistem ekonomi baru seperti yang dilaksanakan di Malaysia. Tugas kerajaan Indonesia mendukung teori keadilan sosial John Rawls bahawa perbezaan sosial dan ekonomi harus diatur agar memberikan manfaat yang paling besar bagi mereka yang paling kurang beruntung. Laporan Biro Statistik (BPS) yang diterbitkan pada bulan Mac 2007 menunjukkan bahawa angka kemiskinan di Indonesia adalah sebanyak 16.58 peratus atau 37.17 juta orang daripada jumlah populasi penduduk Indonesia. Sebaliknya di Malaysia inflasi yang hanya sekitar 0.4 peratus serta angka kemiskinan sebesar 3.5 peratus menjadikan Malaysia sebagai salah sebuah negara yang perekonomiannya maju dengan pesat setelah krisis ekonomi 1998 yang menggoncang Asia. Malaysia

berhasil menduduki peringkat ke-21 untuk kategori kemudahan perniagaan. Hal ini juga yang mengakibatkan daya tarik tenaga kerja Indonesia untuk berhijrah ke Malaysia.

Negara-negara yang memperdagangkan banyak perempuan dan kanak-kanak, menunjukkan banyak sketsa-sketsa ketidakupayaan perempuan dan kanak-kanak dalam pendidikan. Hal ini diharapkan Menteri Pendidikan dan Kebudayaan Indonesia membuat rencana APBN pendidikan sebanyak 20 peratus betul-betul dipergunakan bagi manfaat rakyat untuk meningkatkan pendidikan dan keterampilan khususnya di kawasan desa untuk mengurangkan pemerdagangan orang.

Berdasarkan data UNESCO tahun 2011 yang mengandungi hasil pemantauan pendidikan dunia dari 127 negara, Education Development Index (EDI) Indonesia berada pada posisi ke-69, sementara Malaysia di peringkat ke-65 dan Brunei peringkat 34. Tidak meratanya pendidikan di Indonesia juga mengakibatkan kualiti masyarakat Indonesia tertinggal dibandingkan dengan negara lain. Padahal pendidikan merupakan faktor utama dalam membangun karakter bangsa dan faktor untuk menggerakkan perekonomian suatu bangsa.

Janji-janji gaji tinggi dan ugutan hutang itu sendiri adalah merupakan salah satu modus (cara) operasi jenayah pemerdagangan perempuan dan kanak-kanak. Hal ini mendukung *routine activities theory* yang mengatakan semakin sering aktiviti rutin dilakukan oleh ejen, semakin besar peluang menjadikan kanak-kanak terlibat dalam jenayah pemerdagangan. Dengan berkurangnya bilangan kemiskinan dan meningkatnya pendidikan dan keterampilan kanak-kanak yang putus sekolah sehingga dapat mengurangi terperangkapnya perempuan dan kanak-kanak dalam kes pemerdagangan.

Dari kelima perbezaan faktor penyebab hanya satu yang lebih signifikan di Malaysia iaitu keganasan dalam rumah tangga. Hal ini didukung hasil kajian Pejabat Kesihatan Daerah Pontian, Johor iaitu 58.7 peratus wanita dan kanak-kanak mengalami keganasan dalam rumah tangga. Hal ini perlu diberi perhatian yang serius memandangkan ia adalah benih kepada masalah-masalah lain, seperti perpecahan hidup keluarga, pemerdagangan perempuan dan kanak-kanak, meningkatnya jenayah remaja dan ia akan meninggalkan kesan yang negatif pada generasi yang akan datang.

## RUJUKAN

Akta Anti Pemerdagangan Orang (APO) Malaysia 2007 (AKTA 670)

Akta Kanak-Kanak Malaysia 2001 (AKTA 611)

Akta Kanun Keseksaan Malaysia Tahun 1971 (AKTA 574)

Akta Nombor I tahun 1946.tentang Undang-Undang Hukum Pidana (KUHP),

Akta Nombor 21 tahun 2007 tentang Pemberantasan Tindak Pidana Perdagangan Orang.(PTPPO).

Akta Nombor 23 tahun 2002 tentang Perlindungan Kanak-Kanak.

Akta Nombor 39 tahun 1999 tentang Hak Azasi Manusia.

Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia Tahun1999 (AKTA 597)

Arif Gosita. (1993). *Masalah korban kejahatan*. Jakarta: Akademia Presindo.

Dikdik. M. Arief Mansur. (2007). *Urgensi perlindungan mangsa kejahatan antara norma dan realita*. Jakarta: PT. Raja Grafindo Persada.

- Gilling, Daniel. (2005). *Crime prevention: theory, policies and politics*. London & New York: Routledge (Taylor & Francis Group).
- H.C. Gutteridge. (1975). Comparative law, dikutip dari Method and Resources. *Liberty, and morality*.
- J.M.van Bemmelen, Hasan, A.Bardin. (1994). *Hukum Pidana*, IKAPI/ Binacipta,
- Harkristuti Harkrisnowo. (2003). *Laporan pemerdagangan manusia di Indonesia*. Jakarta: Universitas Indonesia.
- Lawrence.M. Frietman. (1992). *The legal system a social science perspective*. New York: Russell Sage foundation.
- Levy Ullman. (1975). "*Branche seciale de la science juridque*" as quoted by Gutteridge in Comparative Law.
- Protocol to Prevent. (2000). *Suppres and punish trafficking person, especially women and children*. A/55/383 pasal 3
- Romli, Atmasasmita. (1996). *Perbandingan Undang-undang Pidana*. Bandung: Mandar Maju.
- Sir Macdonnel. The study of comparative law. *J. Comp. Legal* Vol. XII, 2<sup>nd</sup> hlm. 189.
- Slamet Marta Wardaya. (2005). Hak asasi manusia – hakekat, konsep dan implikasinya. Dalam Muladi (Ed.), *Perspektif hukum dan masyarakat*. Bandung: Refika Aditama.
- Uma Sekaran. (1984). *Research methods for business*. Illinois University at Carbondale,
- Penjelasan Gerakan Indonesia Berkibar. Dipetik dari <http://bola.okezone.com/read/2013/05/11/45/805323/ganti-bio-twitter-ini-tanggapan-rooney>.